



Hari terbuka FPSK disambut meriah

SAMBUTAN ulang tahun ke-10 Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) meriah dengan penganjuran Majlis Hari Terbuka yang berlangsung di kampus Pandan Indah, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Memilih tema 'Merintis dan Meneraju Naqli dan Aqli di dalam Ilmu Perubatan', sambutan ulang tahun FPSK bertujuan memperkenalkan serta mengenengahkan FPSK sebagai sebuah gedung ilmu, mempamerkan kejayaan-kejayaan fakulti sepanjang 10 tahun dan merapatkan jurang antara universiti dan masyarakat.

Menurut Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, Prof. Emeritus Tan Sri Datuk Dr. Abdul Shukur Husin, program itu bukan sahaja mengimbuai kembali titik permulaan penubuhan fakulti, malah mengingatkan amanah yang diberikan ketika penubuhan FPSK pada 2004 untuk memartabat serta mengintegrasikan Islam dan perubatan moden dalam pengajaran pelajar perubatan.

Beliau juga menekankan pentingnya meningkatkan usaha dan jati diri dalam memperkukuhkan FPSK untuk menjadi salah satu fakulti perubatan terbaik di negara ini pada masa hadapan.

Sementara itu, Dekan FPSK, Prof. Dr. Muhammad Shamsir Mohd. Aris berkata,



HAMPIR keseluruhan program dikendalikan sendiri oleh mahasiswa yang boleh dijadikan sebagai persediaan awal kepada mereka sebelum melangkah ke alam pekerjaan sebenar.

pada awal penubuhan FPSK, fakulti itu hanya mempunyai 29 orang pelajar tetapi kini telah melahirkan hampir 200 graduan yang bergelar doktor. Kesemua mereka kini menabur bakti kepada masyarakat dengan mempraktikkan apa yang telah dipelajari ketika di kampus.

Antara pengisian utama sambutan ulang tahun ke-10 FPSK adalah syarahan,

demonstrasi klinikal seperti bantuan pernafasan kecemasan (CPR), teknik memeriksa payudara sendiri, mengesan bunyi jantung normal dan tidak normal dan banyak lagi.

Selain itu, pelbagai pameran turut diadakan seperti pameran berkenaan tokoh-tokoh Islam dalam bidang perubatan, pameran kesihatan, pameran dan jualan

buku-buku perubatan, simulasi klinikal, lawatan ke Muzium Perubatan dan Kuiz Pendidikan Kesihatan. Ia tambah menarik apabila demonstrasi klinikal, saringan dan pemeriksaan kesihatan dilakukan sendiri oleh para mahasiswa perubatan.

Di samping itu, keesokannya FPSK dengan kerjasama Kawasan Rukun Tetangga (KRT) Taman Datuk Shahbandar, Seremban, dan Taman Sakura, Seremban, Jabatan Perpaduan Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Sungai Landak menganjurkan Majlis Khatam Perdana dan Karnival Kesihatan di Taman Ampangan, Negeri Sembilan.

Seramai 32 peserta berusia empat hingga 12 tahun mengambil bahagian dan kesemua proses berkhatam diuruskan sendiri oleh mahasiswa USIM tanpa mengenakan sebarang bayaran.

Kerjasama berkenaan menunjukkan usaha pihak fakulti untuk bersama-sama masyarakat menjalankan program kebersamaan selain menjalin ukhwah komuniti di sekitar Seremban. Turut hadir pada majlis itu ialah Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) Prof. Datuk Dr. Mohamed Asin Dollah. ☺



FPSK diwujudkan bagi memartabat serta mengintegrasikan Islam dan perubatan moden dalam pengajaran pelajar perubatan.